

# Dr. Mahathir gagal jadi perwakilan Kubang Pasu

Oleh YUSRI SAHAT

JITRA 9 Sept. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad gagal untuk menjadi salah seorang perwakilan ke Perhimpunan Agung UMNO November ini apabila tewas dalam pemilihan pada Mesyuarat UMNO Bahagian Kubang Pasu di sini hari ini.

Bekas Presiden UMNO itu menduduki tempat kesembilan selepas memperoleh

227 undi daripada keseluruhan 15 calon yang bertanding merebut tujuh kerusi perwakilan bahagian tersebut.

Keputusan itu diumumkan oleh Ketua UMNO Bahagian Alor Star, Datuk Ahmad Bashah Md. Hanifah selaku wakil Badan Perhubungan UMNO negeri ke mesyuarat situ pada pukul 5 petang.

Ketika pengumuman dibuat, Dr. Mahathir bersama isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali yang sebelum itu hadir pada majlis perasmian mesyuarat itu telah berlepas pulang ke Kuala Lumpur kira-kira pukul 2 petang.

Bagaimanapun, anak Dr. Mahathir, Datuk Mukhriz yang merupakan Exco Pergerakan Pemuda UMNO dipilih sebagai perwakilan apabila mendapat undi kelima tertinggi.

Mukhriz memperoleh 289 undi daripada 476 perwakilan yang membuang undi pada mesyuarat tersebut.

Sebanyak 95.6 peratus daripada 493 jumlah keseluruhan perwakilan daripada 138 cawangan hadir pada mesyuarat berkenaan.

Dr. Mahathir tersenarai sebagai calon nombor satu manakala anaknya memegang tiket nombor 10.

Ahmad Bashah memberitahu, terdapat 10 undi rosak manakala satu undi didapati tidak dikembalikan ketika proses pengiraan dijalankan.

Pertandingan tersebut turut mendapat liputan meluas beberapa media asing.

Terdahulu, Dr. Mahathir bersama Dr. Siti Hasmah tiba di Dewan Wawasan kira-kira pukul 9 pagi sebelum Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid yang merasmikan persidangan itu tiba sejurus kemudian.

Selepas ucapan perasmian, kedua-dua mereka menjadi pemerhati di bahagian belakang dewan sebaik persidangan bermula pukul 12 tengah hari.

Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu, Datuk Mohd. Johari Baharum berharap Dr. Mahathir menerima kekalahannya dalam pemilihan perwakilan pada persidangan UMNO bahagian itu dengan hati terbuka.

Beliau bagaimanapun menegaskan kekalahan itu bukan membawa mesej bahawa ahli-ahli UMNO di bahagian tersebut merupakan jasa yang disumbangkan oleh bekas Presiden UMNO itu kepada kawasan Kubang Pasu.

"Saya percaya kekalahan ini merupakan mesej bahawa ahli-ahli UMNO sayangkan Tun (Dr. Mahathir) kerana tidak mahu

dilihat duduk bersama para perwakilan pada Perhimpunan Agung UMNO nanti.

Sementara itu di Langkawi, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, kekalahan Dr. Mahathir itu adalah adat pertandingan,

ada yang kalah atau menang.

Katanya, keputusan telah dibuat oleh perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu.

"Undi yang diperolehi Dr. Mahathir tidak mencukupi untuk bersama perwakilan lain ke perhimpunan

agung," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan UMNO Bahagian Langkawi di sini, hari ini.

Mahdzir berkata, beliau sebelum ini telah menasihatkan supaya Dr. Mahathir tidak bertanding.